

02 FEB 1999

Abdullah-Pelantikan

JOLOKAN MR CLEAN SEBAGAI SATU INGATAN, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 2 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini berkata beliau menganggap jolokan "Mr Clean" yang diberi kepadanya adalah sebagai satu peringatan buat dirinya.

"Saya ambil itu sebagai satu peringatan bahawa saya mesti sentiasa bersih, cekap dan amanah. Saya pegang teguh pada slogan Perdana Menteri dulu," katanya dalam wawancara khas yang disiarkan secara langsung oleh RTM1 malam ini.

Abdullah berkata demikian ketika diminta pandangan sama ada apakah jolokan itu, yang banyak diberi oleh media massa dalam dan luar negara, sebagai membebankan.

Beliau mengingatkan bahawa slogan Bersih, Cekap dan Amanah yang dipopularkan sejak 1982 bukan sahaja satu slogan kerajaan semata-mata, tetapi juga untuk semua peringkat rakyat, termasuk sektor swasta.

Di tanya mengenai apakah peranan yang boleh dimainkannya dalam jawatan TPM beliau berkata ianya banyak bergantung kepada sokongan rakyat dan parti.

Abdullah berkata adalah penting baginya memberikan kerjasama dan sokongan kepada Perdana Menteri yang menjadi ketua kerajaan dan ketua parti.

Beliau menganggap harapan tinggi rakyat terhadap pelantikannya sebagai Timbalan Perdana Menteri sebagai satu amanah yang perlu dipikul.

Di tanya mengenai tulisan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam dalam Minggu Malaysia baru-baru ini yang mengingatkan Abdullah mengenai jawatan TPM, berdasarkan pengalaman menjadi TPM di bawah Dr Mahathir, Abdullah berkata beliau faham tugasnya.

"Bagi saya, saya faham tugas itu, iaitu tidak lebih dari membantu," katanya.

Abdullah berkata pelantikan semula beliau dalam kabinet setelah digugurkan dan tanpa jawatan menteri selama hampir empat tahun pada satu ketika dulu menunjukkan Perdana Menteri mengiktiraf sumbangannya yang konsisten dan berterusan pada Umno.

Menurutnya walaupun tiada jawatan kabinet pada masa itu dan hanya sebagai Ahli Parlimen Kepala Batas, tetapi beliau telah menumpukan tenaga sepenuhnya pada kegiatan politik di seluruh negara.

"Bagi saya Umno memberi peluang kepada saya berjuang dalam politik untuk agama, bangsa dan negara. Sebab itu apa jua naik turun saya dalam politik, saya tetap berjuang dalam Umno," katanya.

-- BERNAMA

RV zb